

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas berapa bilangan dan pangkat penjawat awam dari Sarawak yang berkhidmat dalam kumpulan pengurusan tertinggi khusus di peringkat Persekutuan.

JAWAPAN:

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan status pengisian perjawatan di dalam Human Resource Management Information System (HRMIS), Jabatan Perkhidmatan Awam, setakat 13 Oktober 2021, bilangan pegawai awam kelahiran Sarawak yang sedang berkhidmat di jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi peringkat Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah seramai 94 orang.

2. Pengagihan mengikut gred Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut :

- a) JUSA A - 6 orang
- b) JUSA B - 14 orang
- c) JUSA C - 74 orang